

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

**PLG 312 Kaedah Mengajar Matematik II**

Masa : [2 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **KEDUA-DUA** soalan dari Bahagian A dan mana-mana **SATU** soalan dari Bahagian B.

**BAHAGIAN A**

Jawab **KEDUA-DUA** soalan yang diberikan.

1. [a] Huraikan **tiga** sifat sahsiah guru matematik yang berkesan berdasarkan penyelidikan Gowan (1957).
- [b] Huraikan **tiga** perkara mengenai pengaruh orang dewasa terhadap kemajuan belajar anaknya.

[34 markah]

2. Kaedah heuristik sangat membantu dalam menyelesaikan masalah matematik.

[a] Beri kefahaman anda tentang heuristik.

[b] Kenalpasti tiga langkah heuristik yang boleh membantu murid anda menyelesaikan masalah matematik. Beri contoh yang sesuai untuk setiap satu dari langkah anda.

[34 markah]

**BAHAGIAN B**

Pilih hanya **SATU** soalan sahaja.

3. [a] Beri sebab-sebab mengapa seorang guru matematik perlu membuat penilaian terhadap pengajarannya.

...2/-

[b] Dalam pengajaran matematik, kerja rumah (home work) merupakan suatu kemestianan.


[i] Apakah kerja rumah dapat menjadi alat penilai dalam pengajaran matematik? Huraikan pendapat anda.

[ii] Mungkinkah kerja rumah dikerjakan secara kumpulan? Jelaskan.

[32 markah]

4. Diberi soalan-soalan berikut:

Soalan I



PRST adalah suatu segiempat tepat yang luasnya  $60\text{cm}^2$  dan PQWU adalah suatu segiempat tepat yang bersisi 5cm dan 3cm. Diberi bahawa  $QR = 2\text{cm}$  dan  $VT = 3\text{cm}$ . Tunjukkan bahawa  $2x^2 + 7x - 15 = 0$ , oleh yang demikian cari nilai x.

Soalan II

Garis lurus  $y = mx + c$  adalah selari dengan garis lurus  $y = 3x + 2$  dan melalui titik (1, 2). Cari m dan c.

[a] Jelaskan apakah perbezaan di antara Soalan I dan Soalan II dari segi pengajaran matematik.

[b] Rancangkan masing-masing dua soalan matematik yang boleh menguji kefahaman dan pengetahuan, dan beri alasan anda.

[32 markah]

-- ooooo000oooo --